



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 24 OGOS 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	PERUNTUKAN RM900,000 UNTUK PESERTA DI KELANTAN, NASIONAL, BH-24 RM10M ALLOCATED FOR URBAN AGRICULTURE PROJECT, NEWS, THE SUN-2 RM10MIL SET ASIDE FOR URBAN AGRICULTURE PROJECT, NATION, THE STAR-6 DAN 2.0 MAFI MAHU TARIK CENDEKIAWAN PERTANIAN, NEGERI, HAKAH-31 PENGUNAAN TEKNOLOGI TINGKATKAN HASIL UDANG KARA-NEGERI, HAKAH-31 DOWN TO EARTH, NEWS, THE SUN- 2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
7. 8.	285 PALET KAYU HARAM DARI SINGAPURA DI RAMPAS OLEH MAQIS, NEGARA, KOSMO-17 285 PALET KAYU MASUK TANPA PERMIT,DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-31	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	MAHU BUKA KILANG PROSES SUSU SEGAR, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA-37	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	PERKASA TVET PERTANIAN DALAM SISTEM PENDIDIKAN, KOMENTAR, BH-11 PASFA TEROKA SUMBER KEKAYAAN BAHARU, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA-35 COVID-19: PENDUDUK KUALA SANGLANG DAKWA DISISIH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-10 SUNGAI KOTOR JEJAS PENDAPATAN NELAYAN, NEGARA, KOSMO-11 NELAYAN KUALA SANGLANG TERJEJAS, NEGERI, SINAR HARIAN-22 3,500 PENDUDUK KUALA SANGLANG, KEDAH SENGSA TEMPIAS COVID-19, NEGARA, KOSMO-4 PERBADANAN PERTANIAN KOMERSIAL SEKTOR PERTANIAN, NEGERI, HAKAH-13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	24

Projek pertanian bandar

Peruntukan RM900,000 untuk peserta di Kelantan

Tumpat: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperuntukkan RM900,000 kepada rakyat negeri itu untuk projek pertanian bandar.

Jumlah itu adalah sebahagian daripada peruntukan RM10 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi membangunkan projek untuk membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran bahan makanan.

Timbalan Menteri Pertanian

dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata menerusi peruntukan sebanyak RM10 juta itu dijangka dapat dimanfaatkan oleh 800 komuniti dan 12,000 peserta di bawah program berkenaan dengan bimbingan Jabatan Pertanian negeri.

"Daripada jumlah itu, RM900,000 diperuntukkan untuk negeri Kelantan yang membabitkan 2,000 peserta yang melepasi tahap tapisan, manakala RM300,000 pula diperuntukkan

untuk daerah Tumpat.

"Secara keseluruhan, seramai 124,988 peserta merangkumi 5,065 lokasi terbabit dalam pelbagai program dan kategori melalui pengamalan teknologi pertanian moden dan konvensional sejak tertubuhnya Bahagian Pertanian Bandar di Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2014.

"Untuk Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), seramai 93,937 orang dengan 3,815 lokasi terbabit dalam Program Pertanian Ban-

dar, manakala di Kelantan pula, seramai 3,697 orang merangkumi 106 lokasi," katanya pada sidang media selepas sesi 'engagement' dan penyerahan bantuan Program Pertanian Bandar (PENJANA) Parlimen Tumpat di perkarangan Masjid An-Nur, Wakaf Bharu, di sini semalam.

Che Abdullah berkata, sumbangan diberikan seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan dan khidmat nasihat dengan nilai RM500 bagi penerima individu

dan RM50,000 bagi setiap komuniti yang layak.

"Pelaksanaan projek pertanian bandar ini dapat membantu mengurangkan kos sara hidup, memberi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tambahan.

"Tujuan tambahannya juga untuk membantu rakyat khususnya penduduk bandar dan pinggir bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak COVID-19," katanya.

RM10m allocated for Urban Agriculture Project

TUMPAT: The federal government has allocated RM10 million for the Urban Agriculture Project under the National Economic Recovery Plan.

Agriculture and Food Industry Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawawi said the project would help households reduce their cost of living by growing their own produce with guidance from the Agriculture Department.

It will also complement the overall urban development plan involving urban and suburban residents, as well as support the government's efforts in ensuring the quality and safety of food.

"This concept of urban agriculture will enable people who do not have agricultural land to participate by using technology and recyclable materials to produce food.

"To some extent, it can help reduce the cost of living of those involved as well as provide employment opportunities and generate additional income, especially for urban and suburban residents who are affected by the recovery movement control order. "In Kelantan, a total of RM900,000 was allocated, benefitting 3,697 people at 106 locations through assistance in the form of seedlings, fertiliser, infrastructure and equipment," he said at the launch of the Urban Agriculture Assistance Programme in the Tumpat constituency. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	THE STAR	NATION	6

RM10mil set aside for Urban Agriculture Project

TUMPAT: The Federal Government has allocated RM10mil for the Urban Agriculture Project under the National Economic Recovery Plan (Penjana), says the Deputy Minister of Agriculture and Food Industry II.

Datuk Che Abdullah Mat Nawi said the project would help households to reduce their cost of living by producing their own foodstuff with guidance from the Agriculture Department.

He said the project would also complement the overall urban development involving urban and suburban residents as well

as support the government's efforts in ensuring the quality and food security in the country.

"This concept of urban agriculture will enable people who do not have agricultural land to take part by using technology as well as recycled materials to produce food.

"In Kelantan, a total of RM900,000 has been allocated, which will benefit 3,697 people in 106 locations in the form of seedlings, fertiliser, infrastructure and equipment," Che Abdullah said at the presentation of the Urban Agriculture Assistance Programme in

Tumpat parliamentary constituency.

He said an impact study conducted by the Agriculture Department in 2017 on an urban agriculture-related programme found that it was able to save RM108 in cost of living a month.

"Implementation of this project can to some extent help reduce the cost of living as well as provide employment opportunities and generate additional income especially for the urban and suburban residents who are affected by the movement control order," he said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	HARAKAH	NEGERI	31

DAN 2.0: MAFI mahu tarik cendekiawan pertanian

Oleh SYAHIRAH SALLEH

HULU LANGAT: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berhasrat untuk mempelawa cendekiawan-cendekiawan pertanian negara bersama berganding bahu membangunkan sektor pertanian tempatan melalui perkembangan teknologi.

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawir, hasrat tersebut selari dengan penekanan penggunaan teknologi yang menepati keperluan semasa seperti Internet of Thing (IoT) dan Revolusi Industri 4.0.

Kata Che Abdullah, sumber tempatan sedia ada seperti tanah dilihat semakin berkurang, manakala permintaan dalam pasaran berlaku sebaliknya.

Justeru itu, bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, MAFI akan

memastikan hasil pertanian negara terus mencatatkan peningkatan walaupun mempunyai sumber yang terhad.

"Sumber agak terhad, maknanya dari segi tanah dan sebagainya semakin berkurangan. Manakala permintaan pula semakin meningkat, sudah tentulah tidak ada cara lain melainkan meningkatkan pengeluaran berdasarkan kepada sumber yang ada itu.

"Jadi, bagi meningkatkan pengeluaran ini, kita perlu kepada teknologi, dan Kementerian telah pun mengadakan kerjasama dengan beberapa Kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Ia supaya kita dapat menarik lebih ramai cendekiawan-cendekiawan, profesor-profesor dan pen-

syarah-pensyarah," ujarnya ketika ditemui media dalam Lawatan Projek Agropreneur Muda Ternakan Udang Kara di Hulu Langat, Selangor pada 19 Ogos.

Jelasnya, MAFI bukan sahaja berharap graduan muda diberi peluang untuk menceburi bidang pertanian, malah MAFI turut mahukan cerdik pandai dari bidang sama dapat membantu berkongsi kepakaran dan inovasi dalam kajian-kajian membabitkan pertanian supaya ia dapat dimanfaatkan petani, penternak dan nelayan tempatan.

"Memang kita nak tarik graduan-graduan ini bekerja dalam sektor pertanian kerana kita yakin dengan kemahiran anak-anak muda khususnya yang berpengetahuan dalam bidang-bidang ini akan membantu meningkatkan pengeluaran makanan.

"Dalam masa sama, kita nak juga profesor-profesor mereka itu, guru-guru yang



Che Abdullah memegang seekor udang kara.

mengajar mereka itu supaya dapat membantu dari segi teknologi dan kepakaran agar kajian-kajian yang dijalankan itu dapat dimanfaatkan oleh petani,

penternak dan nelayan, bukan tertinggal di dalam perpustakaan" ujarnya.

Ditanya berhubung status Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 yang ma-

sih didalam perangkaan MAFI, kata Ahli Parlimen Tumpat itu, ia bakal dibentangkan pada penghujung tahun ini atau seawal tahun 2021.

Penggunaan teknologi tingkatkan hasil udang kara

Oleh EVA NATASHA
SADALI

HULU LANGAT: Penggunaan teknologi dalam penternakan udang kara ternyata memudahkan para penternak mendapatkan hasil yang lebih banyak dan menjimatkan.

Suhaidy Shuib yang merupakan penerima Geran Agropreneur Muda bernilai RM30,000 pada tahun 2015 antara penternak udang kara yang berjaya.

Kejayannya menternak udang kara di Hulu Langat dengan memanfaatkan teknologi Internet of Things (IoT) memudahkannya bagi memantau parameter ternakan udang kara.

Malah, ianya juga memudahkan proses ternakan dan pembiakan udang kara serta kawalan air seperti bacaan pH yang lebih sistematik, bacaan suhu yang stabil dan sebagainya.

Proses ini bertujuan bagi memastikan udang kara yang ditenak mengikut



Che Abdullah melihat benih udang kara.

Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan dan berada dalam keadaan yang sihat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi melawat ke Projek Agropreneur Muda, ternakan udang kara bagi melihat sendiri kejayaan anak muda yang berjaya dalam sektor penternakan di Hulu Langat, di sini pada 19 Ogos.

Katanya, kejayaan ini merupakan suatu kebanggaan apabila segala teknologi yang sedia ada dimanfaatkan sepenuhnya bagi mempertingkatkan mutu kerja para penternak udang kara dan penghasilannya.

Tambahnya, usaha Suhaidy itu wajar menjadi kepada penternak kecil dan baharu yang sedang berjinak-jinak untuk menceburi



Penerangan mengenai teknik pembiakan udang kara.

dalam dunia penternakan khususnya penternakan udang kara.

Jelas Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat, usaha ini juga dapat meningkatkan pengeluaran makanan negara dan diharap dapat menarik lebih ramai lagi anak-anak muda untuk menceburi bidang tersebut.



Kolam tempat pengasingan udang mengikut saiz.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	THE SUN	NEWS	2



DOWN-TO-EARTH LEADER ... Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee joins villagers to plant hill padi at Kampung Lumou, Telupid in Beluran, Sabah yesterday. The ministry has allocated RM40.34 million to help 63,521 farmers of such crop in Sabah and Sarawak. – **BERNAMAPIX**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	KOSMO	NEGARA	17

285 palet kayu haram dari Singapura dirampas Maqis

ISKANDAR PUTERI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri terus memperhebatkan operasi apabila menahan sebuah lori membawa muatan 285 unit palet kayu tanpa permit import di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di sini kelmarin.

Pengarahnya, Nur Afifah A. Rahman berkata, lori dari Singapura itu ditahan pada pukul 5 petang.

Katanya, ketika menjalankan pemeriksaan di laluan import KSAB, sebuah lori didapati membawa muatan palet kayu sebanyak 285 unit yang dianggarkan bernilai RM1,765.97.

“Pemeriksaan mendapati, palet kayu itu dibawa masuk ke negara ini untuk kegunaan sebuah kilang elektronik,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Nur Afifah memberitahu, palet kayu yang dibawa masuk tanpa permit itu dikhuatiri akan membawa risiko kepada industri pertanian negara.

“Ini kerana, terdapat kemungkinan wujudnya perosak pada konsainan yang dibawa masuk.

“Ia terbukti apabila beberapa bulan lalu, pihak kami berjaya menahan kelapa kering import dengan perosak yang masih hidup,” ujarnya.

Katanya, Maqis komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk negara bagi menjamin keselamatan setiap keluaran pertanian yang diimport agar mema-



PALET kayu haram dirampas Maqis selepas menahan sebuah lori di KSAB, Iskandar Puteri kelmarin.

tuhi peraturan yang ditetapkan.

Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import Maqis merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

285 palet kayu masuk tanpa permit

ISKANDAR PUTERI: Sebuah lori membawa muatan 285 palet kayu yang tiba dari Singapura ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor kelmarin kerana masuk tanpa permit import.

Pengarah Maqis negeri, Nur Afifah A. Rahman berkata, lori itu ditahan sebaik sahaja pemeriksaan dilakukan pada pukul 5 petang di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di sini.

Katanya, semua palet kayu dikenakan dianggarkan bernilai RM1,765.97.

"Ketika menjalankan pemeriksaan di laluan import, didapati sebuah lori membawa muatan palet kayu sebanyak 285 unit tanpa permit import Maqis.

"Pemeriksaan mendapati palet kayu berkenaan dibawa masuk ke negara ini untuk kegunaan sebuah kilang elektronik," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Nur Afifah berkata, palet kayu atau hasil kayu yang dibawa masuk tanpa permit membawa risiko kepada industri pertanian negara.

"Hal ini kerana terdapat kemungkinan adanya perosak pada konsainan yang dibawa masuk apatah lagi selepas beberapa bulan lalu kami berjaya menahan kelapa kering import dengan perosak yang masih hidup," ujarnya.

Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Nur Afifah berkata, pihaknya komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk negara bagi menjamin keselamatan setiap keluaran pertanian yang diimport mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	37



MUHAMMAD Ridzuan Abdul Razak memeriksa lembu tenusu di ladang ternakannya di Seberang Perai, Pulau Pinang, baru-baru ini.



ORANG ramai mendapatkan susu segar keluaran Donnee Milk House Enterprise di sebuah trak makanan.



MUHAMMAD Ridzuan Abdul Razak bersama produk susu segar keluaran syarikatnya.

Mahu buka kilang proses susu segar

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
utusannews@mediamula.com.my

SEBERANG PERAI Pemuda berjiwa besar ini pernah menolak tawaran untuk menyambung pengajiannya di peringkat ijazah dalam jurusan Pengurusan Ladang dan Agroteknologi beberapa tahun lalu semata-mata ingin menyambung legasi bapanya dalam bidang ternakan lembu dan kambing.

Biarpun menempuh laluan berliku termasuk pernah mengalami kerugian besar selepas 48 ekor kambing tenusu miliknya terpaksa dihapuskan akibat penyakit tiga tahun lalu, Muhammad Ridzuan Abdul Razak, 27, langsung tidak pernah mengalah.

"Masa itu memang saya terkejut juga kerana masih baharu dalam bidang ini selain terpaksa menguruskan hampir semua perkara sendiri.

"Alhamdulillah, berkat kesabaran, akhirnya saya berjaya bangkit daripada kesedihan itu dan mula memfokuskan kepada ternakan lembu tenusu dan produk yang dihasilkan sehingga ke hari ini," katanya ketika

INSPIRASI NIAGA

Sasaran saya ketika ini hanyalah untuk meningkatkan jualan produk menerusi pertambahan ejen atau pengedar di seluruh negara."

RIDZUAN ABDUL RAZAK

ditemui di ladangnya di Kampung Padang Lalang, di sini baru-baru ini.

Ketika ini, bapa kepada seorang cahaya mata itu telah memiliki hampir 30 ekor lembu tenusu termasuk seekor lembu jantan induk dengan sebahagian besarnya diimport dari Australia. Dia juga mempunyai beberapa



MUHAMMAD Ridzuan Abdul Razak menunjukkan beberapa perisa susu segar keluaran syarikatnya di Seberang Perai, Pulau Pinang, baru-baru ini.

ekor kambing tenusu walaupun pada permulaan hanya bermula dengan dua ekor lembu tenusu.

Pada masa yang sama, Muhammad Ridzuan juga boleh bangga apabila syarikat miliknya, Donnee Milk House Enterprise yang menjual susu segar asli berpastur pelbagai perisa termasuk

susu kurma serta dadiah mula berkembang maju.

"Sasaran saya ketika ini hanyalah untuk meningkatkan jualan produk menerusi pertambahan ejen atau pengedar di seluruh negara selain membangunkan kilang memproses susu segar sendiri.

"Kalau boleh, saya mahu menjual sehingga 300 liter susu sehari berbanding hanya 200 liter ketika ini," ujarnya yang kini menggaji enam pekerja dalam kalangan saudara-mara serta penduduk setempat.

Selain bapanya, Abdul Razak Din, 60, yang pernah menerima Anugerah Penternak Jaya 2013 dengan mengusahakan pelbagai produk ternakan termasuk lembu, kambing dan ikan keli, anak ketiga daripada empat beradik itu turut mendapat bimbingan nasihat dan bantuan teknikal daripada Pejabat Perkhidmatan Veterinar (PPV) daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Bagi memastikan susu yang dihasilkan pada tahap yang terbaik setiap masa, pihak veterinar juga akan mendapatkan sampel darah haiwan-haiwan tersebut setiap enam bulan sekali.

Ketika ini, produk tenusu keluaran syarikat milik Muhammad Ridzuan boleh didapati sekitar Seberang Perai Selatan dan Pulau Pinang, malah, turut dipasarkan ke beberapa lokasi di Kedah, Perlis dan utara Perak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	BERITA HARIAN	KOMENTAR	11

Perkasa TVET pertanian dalam sistem pendidikan

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sudah lama dilaksanakan di negara maju, sekali gus berjaya mengembangkan ekonomi dan pembangunan sumber manusia berkemahiran.

Kejayaan sesebuah negara sering diukur melalui kemampanan sektor ekonomi. Lebih menguntungkan, keupayaan menghasilkan makanan untuk rakyat dan mampu mengurangkan ketergantungan import makanan.

Kemampuan menghasilkan makanan dijana aktiviti pertanian individu dan masyarakat sebenarnya menjadi norma kehidupan seharian negara maju. Tidak hairan, walaupun mereka memiliki sedikit ruang di sekeliling

rumah, aktiviti pertanian diusahakan sama ada untuk keperluan sendiri atau komersial.

Justeru, pemerkasaan program pendidikan melalui TVET pertanian sangat signifikan bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara dan pembentukan budaya pertanian dalam masyarakat. Sektor itu sering diintegrasikan dengan pendidikan formal TVET di lapangan pendidikan.

Pandangan skeptikal bidang pertanian tidak menjanjikan kejaya stabil dan pulangan lumayan perlu disangkal. Di Jerman misalnya, petani paling dihormati berikutan kefahaman umum bahawa golongan itu membekalkan makanan kepada masyarakat hingga diangkat sebagai profesion setanding jurutera, guru dan doktor.

Di negara ini, pelajar berpeluang mempelajari ilmu pertanian di sekolah menengah melalui subjek Sains Pertanian dan berpotensi meneruskan pengajian ke peringkat prasiswazah dan pascasiswazah di universiti awam (UA) serta kolej pertanian.

Peluang pekerjaan dijanjikan untuk pemegang ijazah bidang pertanian tidak dapat disediakan berikutan kurangnya industri berasaskan pertanian di negara ini. Bagi memenuhi kelengkapan ini, lepasan pelajar pertanian perlu diperkasakan melalui aspek teknopreneur, agropreneur dan inovasi pertanian.

Antara strategi boleh dilaksanakan dalam pembentukan semula kurikulum TVET pertanian adalah melalui pembelajaran berasaskan pekerjaan.

Ini bermakna pelajar perlu mengikuti program perusahaan pertanian melalui pengalaman industri dalam tempoh setahun hingga dua tahun sebagai tambahan kepada program pengajian konvensional di institusi pendidikan.

Ia membuka peluang mengintegrasikan pengetahuan teoretikal dengan kemahiran praktikal, sekali gus memperkayakan ilmu pengetahuan pelajar seiring keperluan industri bakal diceburi.

Integrasi pembelajaran berasaskan pekerjaan dengan program pengajian di UA mencambahkan peluang komprehensif dalam bidang pertanian sama ada dalam dan luar negara.

Strategi ini mampu menambah baik program TVET pertanian dan boleh diratifikasikan sebagai program pendidikan yang boleh diiktiraf lembaga akreditasi program dalam dan luar negara.

Ia diharap dapat mengatasi isu pembelajaran secara komprehensif dalam bidang pertanian yang sering dipinggirkan dalam sistem pendidikan.

Justeru, TVET pertanian boleh diketengahkan dalam sistem pendidikan bagi menampung keperluan memberikan

latihan secara berterusan kepada petani. Ini membuka peluang kepada petani kepada teknologi pertanian terkini dan pengetahuan penanaman lebih sistematik serta termaju.

Ia mampu menjadi entiti penyedia latihan dengan menambahkan ilmu sains pertanian dan teknologi terkini melalui kursus serta program jangka pendek melalui demonstrasi sebenar lapangan. Kebanyakan petani konvensional terabit dengan aktiviti pertanian sejak kecil hingga aktiviti pengembangan ilmu melalui TVET pertanian sangat signifikan.

Usaha memartabatkan bidang pertanian perlu dilaksanakan melalui paradigma dan lonjakan bantuan kerajaan melalui suntikan insentif dan pelan jangka pendek serta panjang.

Pengiktirafan dan kepentingan pembangunan kemahiran TVET pertanian serta pelaburan diberikan kerajaan dalam meningkatkan kapasiti pertanian wajar menjadi medan pembudayaan pertanian dalam masyarakat.

Pengelasan TVET sebagai bidang pilihan kedua tidak lagi sesuai dengan keperluan penghasilan pertanian yang kian mendesak. TVET pertanian perlu dirai sebagai bidang yang boleh menjana kelestarian ekonomi negara dan sumber menjamin kecukupan bekalan makanan negara.

Ia wajar diangkat sebagai agenda terpenting dalam sektor pendidikan negara sesuai ekosistem sosial dan persekitaran semakin mencabar.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia



Dr Muhd Khaizer Omar



TVET pertanian signifikan meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara.
(Foto hiasan)

Pasfa teroka sumber kekayaan baharu

KUANTAN: Menyedari hakikat tidak boleh bergantung sepenuhnya pendapatan kepada industri kelapa sawit, Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) akan meneroka sumber kekayaan baharu seperti penanaman durian Musang King, nanas MD2 dan kelapa dalam jangka masa lima tahunnya bermula dari tahun ini.

Pengerusi Pasfa, Datuk Zamri Yaakob berkata, pertubuhan itu bersama anak syarikatnya mempunyai kira-kira 4,000 hektar ladang kelapa sawit.

Beliau berkata, ekoran terlalu bergantung kepada sektor itu, kewangan Pasfa bermula 2017 begitu teruk disebabkan

ketidaktentuan harga komoditi berkenaan.

Kesannya kata beliau, kewangan Pasfa ketika itu hanya cukup untuk membayar gaji pekerja dan pertubuhan terpaksa menanggungkan bayaran dividen kepada kira-kira 70,000 ahlinya pada 2018 dan 2019.

"Sebab itu, sejak saya mengambil alih Pasfa sudah masuk tiga bulan, saya maklumkan kita (Pasfa) kena berubah. Kita perlu ubah sasaran, perlu meneroka sumber kekayaan baharu untuk meningkatkan pendapatan.

"Jadi, Pasfa akan mengurangkan ladang kelapa sawit



ZAMRIYAAKOB

kita daripada 4,000 hektar kepada 3,000 hektar. Lagi 1,000

hektar kita akan teroka dengan sumber kekayaan baharu dengan menanam durian Musang King, nanas MD2 dan kelapa," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Zamri berkata, sebuah syarikat dari China berminat untuk bekerjasama dengan Pasfa bagi menanam Musang King di kawasan seluas kira-kira 200 hektar.

"Jika ini dapat direalisasikan, hasilnya lumayan. Musang King untuk satu hektar dianggarkan pendapatannya kira-kira RM150,000 setahun, nanas MD2 sebanyak RM120,000 satu hektar (setahun).

"Kelapa sawit, satu hektar

paling tinggi pun boleh dapat RM15,000 setahun," katanya.

Beliau berkata, untuk jangka masa lima tahun itu, Pasfa menyasarkan pendapatan bersih mencecah RM20 juta ke RM30 juta setahun.

Dalam pada itu, beliau berkata, selain meneroka sumber kekayaan baharu, Pasfa akan memulih dan membesarkan Agro Bazaar Rakyat 1Malaysia miliknya.

"Agro Bazaar seperti hidup segan mati tak mahu, dulu sewaktu dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ia hebat tetapi kini kurang tumpuan dan layu," ujarinya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Covid-19: Penduduk Kuala Sanglang dakwa 'disisih'

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamulia.com.my

JERLUN: Kira-kira 3,500 penduduk termasuk nelayan dan peniaga di Kuala Sanglang di sini mendakwa mereka 'disisih' oleh masyarakat luar selepas dicop sebagai pencebus Covid-19 bagi Kluster Sivagangga pada Ogos lalu.

Kedua-dua tersebut berlaku apabila masyarakat salah anggap kawasan Kuala Sanglang sebelah Kedah terlibat dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar Secara Pentadbiran (Temco).

Penduduk menjelaskan, kawasan yang berlaku penularan Covid-19 bagi Kluster Sivagangga dan dilaksanakan Temco adalah di Kuala Sanglang di Perlis yang terletak bersebelahan kira-kira satu kilometer.

Seorang penduduk yang mewakili nelayan, Muhamad Zuker Ramli, 49, berkata, pendapatan lebih 260 nelayan terjejas apabila hasil tangkapan mereka di jeti nelayan Kuala Sanglang tidak dapat dipasarkan berbanding sebelum Covid-19.

Menurutnya, ia berlaku selepas pelanggan dari kawasan lain termasuk peraih serta pemborong takut untuk datang ke jeti itu.

"Kebiasaannya hasil tangkapan 30 hingga 40 kilogram setiap nelayan boleh dijual namun sekarang tiada pembeli," katanya.

Dia berkata demikian ketika ditemui selepas lawatan Ahli Dewan Undangan Negeri Si-puteh, Dr. Salmee Said di Kuala Sanglang di sini semalam.

Pemilik Restoran Sri Tanjung



NORDIN Hashim (kiri) menunggu pelanggan membeli hasil tangkapan di jeti nelayan Kuala Sanglang, Kedah, semalam.

Kuala Sanglang di sini, Roaini Don, 48, berkata, dia kerugian kira-kira RM20,000 kerana tidak dapat membuka premisnya ekoran ketiadaan pelanggan selepas tersebar khabar angin kononnya kawasan ini terlibat dengan penularan Covid-19 dan pelaksanaan Temco.

"Setakat ini, orang ramai diberi kebebasan untuk keluar dan masuk di Kuala Sanglang termasuk singgah makan di restoran," katanya.

Sementara itu, peniaga kedai runcit, Othman Shafee, 66, berkata, tanggapan buruk tersebut semakin serius apabila

mereka juga tidak dibenarkan memasuki premis perniagaan termasuk di klinik swasta yang terletak di kawasan lain jika mengetahui mereka dari Kuala Sanglang.

"Ramai yang ingat kita ini terlibat dengan Temco dan ada risiko bawa Covid-19," luahnya.

Sungai kotor jejas pendapatan nelayan

PASIR GUDANG -- Sungai Masai sepanjang 1.5 kilometer di sini tercemar dengan air bertukar hitam dan berbau busuk sehingga menjejaskan pendapatan kira-kira 650 nelayan.

Pencemaran itu dipercayai disebabkan bahan buangan termasuk sisa kumbahan di Taman Bukit Dahlia dan Taman Masai Utama di sini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, Sungai Masai merupakan rudi bagi nelayan di perkampungan Orang Asli, Kampung Pasir Gudang Baru dan Kampung Kuala Masai mencari rezeki.

"Keadaan sungai yang tercemar ini menjejaskan sumber pencarian nelayan disebabkan hasil tangkapan berkurangan kerana air (sungai) kotor. Bot juga tidak boleh beroperasi.

"Rata-rata nelayan mengalami kemerosotan hasil tangkapan 30 hingga 50 peratus sehari," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Sementara itu, tinjauan *Kosmo!* di Sungai Masai mendapati, keadaannya seakan sudah tenat dengan airnya yang dahulunya jernih bertukar menjadi

hitam dan berbau busuk.

Kejadian itu dipercayai berpunca daripada buangan sisa industri dan loji kumbahan kawasan taman perumahan di sekitar Pasir Gudang yang berlarutan sejak 10 tahun lalu.

Masalah sama turut dialami penduduk di Kampung Perigi Acheh di sini apabila Sungai Daing yang dahulunya menjadi lubuk rezeki bagi nelayan di kawasan itu, namun kini sudah berkurangan hasilnya.

Bagi nelayan, Zainuddin Harun, 52, Sungai Daing terletak kira-kira 1.5 kilometer dari kawasan perindustrian Tanjung Langsat di sini turut tercemar dengan sisa buangan industri dari kilang-kilang berdekatan.

"Air Sungai Daing dahulunya jernih dengan airnya berwarna hijau, namun sekarang berubah menjadi kehitaman dipercayai akibat pembuangan sisa daripada kilang-kilang industri.

"Sebelum ini, nelayan mampu menangkap ikan dan udang sehingga 15 kilogram sehari, tetapi kini berkurangan.

"Sekarang nak dapat dua kilogram hasil tangkapan pun susah," katanya.



KEADAAN air Sungai Masai yang berubah menjadi hitam dan berbau busuk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	22

Nelayan Kuala Sanglang terjejas

Orang ramai didakwa keliru antara Kuala Sanglang, Kedah dan Kuala Sanglang, Perlis

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

SANGLANG

Hampir 300 nelayan dan peniaga di Kuala Sanglang, Kedah terjejas dipercayai akibat orang ramai tersalah faham mengenai lokasi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran yang dilaksanakan bermula 8 Ogos lalu.

Mereka mendakwa, ramai yang keliru antara Kuala Sanglang di Perlis dan Kuala Sanglang di negeri ini.

Sebelum ini, kerajaan Perlis melaksanakan PKPD Pentadbiran selama 28 hari bermula 8 Ogos lalu membabitkan dua buah kampung di Perlis iaitu Kampung Kuala Sanglang dan



Abd Razak menunjukkan hasil tangkapan yang tidak terjual di pelantar ikan di sini semalam. Gambar kecil: Mohd Zuker

Kampung Tanah Timbul akibat penularan koronavirus (Covid-19) Kluster Sivagangga.

Ketua Super Nelayan Kuala Sanglang, Mohd Zuker Ramli, 49, berkata, nelayan kini berhadapan dengan lambakan ikan apabila peraih dan pemborong tidak lagi mengambil hasil tangkapan mereka menyebabkan harga ikan kembung jatuh sehingga RM2 sekilogram ber-

banding RM7 sekilogram sebelum ini.

"Kadang-kadang kalau tak habis, kami terpaksa bawa jual ke pasar borong di Alor Setar atau buat kering untuk makan sendiri.

"Pendapatan kami menurun secara drastik sehingga terpaksa mencari kerja sampingan lain untuk menampung belanja rumah," katanya ketika ditemui di

sini semalam.

Seorang nelayan, Abd Razak Ahmad, 53, berkata, tiada siapa yang datang membeli ikan akibat kekeliruan tersebut.

"Ketika pulang pagi tadi (semalam) saya menunggu seketika di pelantar ikan tetapi tiada pelanggan yang datang dan saya pulang ke rumah. Apabila datang semula ke sini pada jam 10 pagi, ikan saya masih ada. Jika sampai petang tidak habis, ikan terpaksa dikeringkan atau buat baja," katanya.

Bagi pengusaha Restoran Seri Tanjung, Roaini Don, 48, perniagaannya turut terjejas kerana pelanggan bimbang untuk berkunjung ke restoran sejak pengumuman PKPD Pentadbiran diumumkan.

"Mungkin pelanggan keliru antara Kuala Sanglang Kedah dan Kuala Sanglang Perlis. Kami berada di sebelah Kedah dan tiada pesakit Covid-19 dalam kawasan kami bahkan kami tidak terletak dalam kawasan PKPD Pentadbiran.

"Situasi ini sudah berlarutan hampir tiga minggu dan saya terpaksa tutup kedai untuk

mengelakkan kerugian yang lebih besar

"Insya-ALLAH awal bulan depan restoran saya akan beroperasi semula.

"Saya harap orang ramai tidak bimbang untuk datang ke sini kerana kami mematuhi SOP (prosedur operasi standard) yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh, Dr Salmee Said berharap orang ramai terutamanya di luar kawasan tersebut tidak menganggap Kuala Sanglang, Kedah sebagai kawasan berbahaya berikutan ia tidak merekodkan sebarang kes positif Covid-19 malah individu yang perlu membuat saringan sebelum ini sudah tamat tempoh kuarantin dan keputusannya semua negatif.

"Kasihan nelayan di sini kerana peraih tidak membeli tangkapan mereka. Pengusaha restoran makanan laut dan ikan kering turut terjejas, mereka sangat tertekan kerana kehilangan punca pendapatan ketika ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	KOSMO	NEGARA	4

3,500 penduduk Kuala Sanglang, Kedah sengsara tempias Covid-19

JITRA - Kira-kira 3,500 penduduk di Kuala Sanglang dekat sini sengsara apabila menerima tempias penularan Covid-19 bagi Kluster Sivagangga di Kuala Sanglang di sebelah Perlis.

Kuala Sanglang di negeri ini terletak bersempadan dengan Kuala Sanglang di sebelah Perlis yang masih di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco).

Penduduk, Mohamad Sofi Mohammad Saad, 33, berkata, Kuala Sanglang di sebelah Kedah melibatkan tiga buah kampung iaitu Kampung Masjid, Kampung Sungai Baru, Kampung Baru Tepi Laut dan sebuah taman perumahan iaitu Taman Seri Sanglang.

"Kawasan Kuala Sanglang di Kedah ini tidak dikenakan PKPD Temco dan tiada kes positif Covid-19, namun malangnya kami masih dianggap sebagai pembawa virus itu.

"Ada penduduk yang tidak diterima ketika mahu mendaftar untuk mendapatkan rawatan di klinik swasta di luar kawasan ini," katanya ketika ditemui semalam.



NELAYAN, Nordin Hashim, 67, (kiri) menunggu pelanggan untuk membeli hasil tangkapan di jeti nelayan Kuala Sanglang, Kedah semalam.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Siputeh, Dr. Salmee Said melawat Kuala Sanglang, dekat sini semalam.

Nelayan pesisir pantai, Mat Rashid Mahmud, 59, berkata, dia turun ke laut selepas solat Subuh dan naik ke jeti kira-kira pukul 10.30 pagi dengan hasil tangka-

pan kira-kira tujuh hingga 10 kilogram sehari.

"Kalau dahulu sudah ada peraih yang tunggu untuk beli ikan temenung ini tetapi keadaan sekarang jauh berbeza.

"Ikan yang tidak laku ini akan dibawa pulang untuk makan selain dibuat ikan masin," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2020	HARAKAH	NEGERI	13

Perbadanan Pertanian komersial sektor pertanian

KOTA BHARU: Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan yang ditubuh pada 2014 menjadikan pertanian sebagai sektor komersial khususnya mem-babitkan anak-anak muda.

Perbadanan tersebut mula diaktifkan pada Sep-tember 2018 di bawah Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO) Engku Rajhan Engku Ismail.

Malah Engku Rajhan menggariskan misi Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan bagi mem-pelopori pemodenan perta-nian.

Anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ber-kata, biarpun Perbadanan Pertanian baharu dua tahun beroperasi namun banyak program dilaksan-akan.

"Sebanyak 15 program



Anggota Exco bersama Engku Rajhan dan Nik Fazul Fazlee.

dengan limitasi tertentu di-usahakan dengan meletak-kan target jangkaan dalam tempoh dua tahun untuk dicapai.

"Antara projek yang dilaksanakan iaitu Lembu Naim Beef dan Rong Che-nok Agro Valley," katan-ya pada majlis surat serah tugas CEO perbadanan ter-babit baru-baru ini.

Engku Rajhan berpindah ke Yayasan Islam Kelantan sebagai pengarah yang ba-haru. Beliau diganti bekas Setiausaha Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam Nik Fazul Fazlee Nik Oth-man.

Majlis serah tugas itu di-adakan di pejabat Exco di Aras 6, Bangunan Mabna MBI, Kota Darulnaim.